

Impian kumpulan S'pura tawan Everest kian jadi nyata

► **NUR ADILAH MAHBOB**
adilaham@sph.com.sg

IMPIAN sekumpulan warga Singapura menawan Gunung Everest semakin hampir menjadi nyata setelah mereka selamat tiba di kem pangkalan Everest minggu lalu.

Semalam, mereka berjaya mendaki ke puncak Lobuche East setinggi 6,119 meter dekat kem pangkalan Everest sebagai latihan penyesuaian iklim.

Demikian menurut satu kenyataan Aluminaid Team Singapura Everest semalam.

Ekspedisi kumpulan itu kini masuk minggu ketiga setelah mereka berangkat dari Singapura pada 25 Mac lalu.

Pasukan itu terdiri daripada guru, Cik Nur Yusrina Ya'akob, 27 tahun; lulusan Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Encik Seumas Yeo Jian Wen, 26 tahun; dan pasangan adik-beradik Ismail, 36 tahun, dan Zulkifli Latiff, 42

tahun, kededuanya pegawai Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF).

Pasukan itu dipimpin oleh ketua bersama, Cik Yusrina dan Encik Muhammad Hilwan Mohamed Idrus, 27 tahun.

Bagaimanapun, Encik Muhammad Hilwan tidak dapat menyertai ekspedisi itu kerana mengalami angin ahmar kecil semasa mendaki Cho Oyu tahun lalu.

Pasukan itu tiba di kem pangkalan Everest pada 7 April lalu dan mengambil beberapa hari menyiapkan makanan dan urusan logistik bagi ekspedisi sekurang-kurangnya dua bulan di kawasan itu.

Sebagai latihan mendaki Everest, mereka mula mendaki Lobuche pada 12 April sebelum berjaya sampai ke puncak Lobuche East semalam.

Mereka dijangka kembali ke kem pangkalan Everest esok sebelum mula mendaki Everest pada Isnin depan. Pasukan itu menasak tiba di puncak Everest (8,848 meter) pada 28 atau 29 Mei.



DI KAKI EVEREST: Anggota Aluminaid Team Singapura Everest (*dari kiri*) Encik Yeo, Cik Nur Yusrina, Encik Ismail dan Encik Zulkifli tiba di kem pangkalan Everest minggu lalu. – Foto ALUMINAID TEAM SINGAPURA EVEREST